

# PM ucap tahniah kemenangan PAP

BERITA HARIAN 05 MAY 2025

m/s. 2

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menzahirkan ucapan tahniah kepada Perdana Menteri Singapura, Lawrence Wong atas kejayaan memimpin Parti Tindakan Rakyat (PAP) yang meraih kemenangan dalam pilihan raya umum republik itu, kelmarin.

Perdana Menteri berkata, kemakmuran dan keselamatan Malaysia dan Singapura tidak dapat dipisahkan, malah mempunyai hubungan kekeluargaan yang kukuh dan berpanjangan.

“Setinggi-tinggi tahniah kepada Perdana Menteri, Lawrence Wong atas kejayaan memimpin PAP meraih kemenangan dalam pilihan raya umum Singapura.

“Saya mengucapkan selamat maju jaya kepada anda dan pasukan anda dalam meneruskan amanah kepemimpinan bagi penggal baharu ini.

“Kemakmuran dan keselama-

“Setinggi-tinggi tahniah kepada Perdana Menteri, Lawrence Wong atas kejayaan memimpin PAP meraih kemenangan dalam pilihan raya umum Singapura”

**Anwar Ibrahim,**  
Perdana Menteri



tan Malaysia dan Singapura tidak dapat dipisahkan.

“Kita bukan sahaja terikat oleh geografi, tetapi juga oleh hubungan kekeluargaan yang kukuh dan berpanjangan,” katanya menerusi kenyataan, semalam.

Anwar berkata, dua negara sedang membina kerjasama mendalam di semua peringkat dalam berdepan masa depan.

“Ia menjadi asas penting dalam menghadapi cabaran besar

terhadap situasi global dan perdagangan antarabangsa.

“Bersama-sama, kita berpeluang menjadikan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura sebagai contoh cemerlang mengenai apa yang boleh dicapai oleh negara jiran melalui iltizam dan matlamat bersama.

“Kami menantikan peluang untuk memperkukuh hubungan istimewa ini pada masa akan datang,” katanya.